



**JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM**

SIARAN MEDIA

**MESYUARAT JAWATANKUASA INDUK KAJIAN SISTEM SARAAAN
PERKHIDMATAN AWAM (JIKSPA) BILANGAN 2 TAHUN 2024**

YAB Perdana Menteri telah mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (JIKSPA) Bilangan 2/2024 pada 13 Februari 2024 yang turut dihadiri oleh YB Menteri Kewangan II.

Mesyuarat tersebut telah membincang dan menimbang inisiatif-inisiatif penambahbaikan dalam Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) terutama berkaitan dengan aspek meningkatkan pendapatan boleh guna penjawat awam.

Penambahbaikan pendapatan boleh guna penjawat awam merupakan salah satu fokus dalam pemerkasaan modal insan perkhidmatan awam untuk memangkin peningkatan produktiviti penjawat awam bagi merealisasikan aspirasi Malaysia MADANI.

Cadangan penambahbaikan sistem struktur gaji penjawat awam dijangka akan dimuktamad dan dibentangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri (MJM) selewat-lewatnya pada awal suku kedua tahun ini untuk kelulusan. Keputusan ini dijangka akan diumumkan pada pembentangan belanjawan 2025 pada tahun ini.

Penjawat awam di segenap lapisan perkhidmatan juga masih boleh mengemukakan cadangan penambahbaikan sistem saraan sedia ada meliputi segala aspek perkhidmatan melalui portal semakan saraan yang telah dilancarkan semenjak 7 Ogos 2023 yang lalu di pautan semakansaraan.jpa.gov.my sebelum 1 Mac 2024.

YAB Perdana Menteri turut memberi penekanan kepada elemen-elemen pembaharuan perkhidmatan awam (*civil service reform*) seperti pendigitalan sistem perkhidmatan, kerjasama strategik yang holistik serta pendekatan

Whole-of-Nation bagi memacu peningkatan kecekapan, keberkesanan dan profesionalisme perkhidmatan awam dalam memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat serta negara.

####

Jabatan Perkhidmatan Awam

Tarikh: 14 Februari 2024

E-mel : komunikasi@jpa.gov.my

No.Rujukan: JPA.100-9/1/2 Jld.2 (60)